

KEBEBASAN AKADEMIK DI DALAM ROH PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN

Khairul Anuar bin Abdul Hadi^{1a*}, Ikmal Hisham bin Md Tah^{1b}, Ahmad Zainuddin bin Hassan^{1c}

¹*Fakulti Undang-Undang, Universiti Teknologi MARA Cawangan Pahang, Kampus Raub, 27600 Raub, Pahang, Malaysia*

akhairulanuarah@uitm.edu.my; bikmal@uitm.edu.my, czainuddin@uitm.edu.my

**Corresponding author*

Abstrak: Kebebasan akademik merupakan satu isu yang sering diperkatakan oleh warga akademik. Sesetengah menganggapnya sebagai satu keistimewaan dan bersifat tidak tercabar dalam dunia pendidikan yang kerajaannya bersifat demokrasi. Hal ini mampu menjadi satu perdebatan hangat seandainya ada pihak yang cuba untuk menghalang seseorang menyuarakan pandangan dan pendapat melalui warkah ilmiah. Namun begitu, setiap kebebasan ada batasannya sama ada melalui sekatan peruntukan undang-undang melalui tekanan politik mahupun pentadbiran. Artikel ini akan membincangkan perkara-perkara berkaitan kebebasan akademik dan sekatan-sekatan yang ada sama ada di dalam peruntukan Perlembagaan Persekutuan mahupun akta-akta yang berkuat kuasa.

Kata Kunci: Kebebasan Akademik, Perlembagaan Persekutuan, Sekatan Hak dan Kebebasan.

Pengenalan

Istilah kebebasan akademik sering kali digunakan dalam mempertahankan sesuatu kenyataan, pandangan mahupun tulisan yang dianggap bersifat akademik dari sebarang sekatan mahupun tindakan undang-undang. Hal ini berlaku apabila pandangan tersebut bertentangan dengan polisi rejim yang berkuasa, kritikan kepada amalan mahupun perkara-perkara yang menyentuh isu-isu sensitif (Macintyre 2010). Istilah ini berkembang selari dengan hak-hak asasi manusia dan amalan dalam sesebuah negara demokratik. Kebebasan akademik merangkumi kebebasan untuk menulis, mengeluarkan pandangan dan bersedia untuk dikritik dan mengkritik di dalam jalur dan rangkaian akademik (Lester 1993). Kelestarian dan pembangunan akademik banyak bergantung kepada perkembangan penulisan yang kritikal dan kritis (Butler 2011). Hujah yang menyokong pendapat ini berlandaskan bahawa, nilai-nilai yang memberikan manfaat kepada masyarakat hanya akan bermakna, sekiranya pendapat-pendapat yang konstruktif membantu dalam menyelesaikan persoalan-persoalan dan dalam waktu yang sama mencari kebenaran.

Oleh yang demikian, sejauh manakah kebebasan akademik ini boleh dianggap sebagai satu keistimewaan yang boleh dinikmati oleh ahli akademik menjalankan tanggungjawab dalam perkembangan ilmu? Persoalan ini sering dilontarkan terutamanya apabila terdapat pendapat atau hujah yang dikemukakan tidak selari dengan polisi mahupun tindakan kerajaan semasa. Berdasarkan persoalan tersebut, artikel ini akan membincangkan isu-isu yang berkaitan dengan kebebasan akademik dan menilai secara umum undang-undang yang berkaitan dengan sekatan-sekatan dalam menyatakan pandangan serta sejauh manakah undang-undang tersebut mempengaruhi kebebasan akademik di negara ini.

Perlembagaan Persekutuan

Perlembagaan Persekutuan merupakan undang-undang tertinggi di dalam negara ini. Ketinggian Perlembagaan dinyatakan di bawah Perkara 4 iaitu:-

(1) Perlembagaan ini ialah undang-undang utama Persekutuan dan apa-apa undang-undang yang diluluskan selepas Hari Merdeka yang tidak selaras dengan Perlembagaan Persekutuan adalah tidak sah setakat mana ketidaklarasan itu.

Ini bermaksud mana-mana undang-undang yang diluluskan oleh Parlimen, Dewan Undangan Negeri, Badan Berkanun atau apa-apa organisasi yang mempunyai entiti perundangan yang sah sekiranya bercanggah dan tidak selaras dengan Perlembagaan adalah dianggap tidak sah. Ini termasuklah hak-hak asasi yang merangkumi pelbagai segi termasuklah kebebasan akademik. Di dalam kes Mamat bin Daud v. Kerajaan Malaysia [1988] 1 MLJ 119, mahkamah dengan jelas menyatakan bahawa Perlembagaan Persekutuan merupakan undang-undang utama negara dan undang-undang yang bercanggah dengan Perlembagaan seharusnya terbatal. Keputusan ini secara langsung telah menjelaskan interpretasi mahkamah berkaitan dengan kedudukan Perlembagaan di dalam kerangka undang-undang negara.

Hak kebebasan diri dinyatakan di dalam Perkara 5 Perlembagaan Persekutuan yang pada dasarnya memberikan perlindungan perundangan terhadap sebarang tuduhan jenayah. Segala tindakan oleh pihak berkuasa terhadap seseorang perlulah melalui proses perundangan dan perlu disemak oleh mahkamah. Hak kebebasan diri ini mempunyai pelbagai sudut pandang yang perlu difahami, iaitu bersifat universal dan merangkumi kehidupan peribadi mahupun kelompok sosial. Ini termasuklah hak dalam menyatakan pendapat, apatah lagi pendapat yang bersifat akademik yang pada kebiasaannya berlandaskan fakta-fakta dan data-data yang tersusun dan teratur.

Kebebasan akademik boleh dikatakan dijamin dibawah Perkara 10 (1) Perlembagaan yang menyatakan; (1) Tertakluk kepada fasal (2), (3) dan (4);-

- a. tiap-tiap warganegara berhak kepada kebebasan bercakap dan bersuara;-
- b. semua warganegara berhak untuk berhimpun secara aman dan tanpa senjata;
- c. semua warganegara berhak untuk membentuk persatuan.

Oleh yang demikian, setiap warganegara Malaysia mempunyai hak dalam menyatakan pendapat sehingga mana pendapat yang ingin mereka sampaikan itu tidak mendatangkan mudarat kepada negara. Hak-hak ini dijamin di dalam Perlembagaan Persekutuan sebagai undang-undang tertinggi di dalam negara ini dan merupakan asas kepada hak semulajadi setiap insan (Harel 2012).

Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984

Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 merupakan satu undang-undang yang mengawal selia bahan-bahan bagi tujuan penerbitan. Pada dasarnya, syarikat-syarikat yang berkaitan dengan penerbitan dan media perlu mematuhi perkara-perkara yang telah termaktub di dalam akta ini. Berdasarkan garis panduan penerbitan di bawah akta ini, hasil penerbitan yang tidak diingini ditakrifkan sebagai;-

- a. memudaratkan dan mungkin memudaratkan ketenteraman awam;-
- b. memudaratkan dan mungkin memudaratkan kemoralan;-
- c. memudaratkan dan mungkin memudaratkan keselamatan;-
- d. mungkin menggemparkan fikiran orang ramai;-
- e. berlawanan dan mungkin berlawanan dengan mana-mana undang-undang;-
- f. memudaratkan dan mungkin memudaratkan kepentingan awam
- g. memudaratkan dan mungkin memudaratkan kepentingan negara

Perkara yang menjadi kritikan oleh aktivis hak asasi manusia dan juga pengamal undang-undang adalah kuasa yang dimiliki oleh Menteri adalah begitu besar terutamanya berkaitan dengan permohonan lesen mesin cetak. Ini dapat dilihat melalui Seksyen 3 (3) Akta berkenaan yang menyatakan;

'Menteri boleh memberi kepada mana-mana satu orang suatu lesen bagi menyimpan mesin cetak untuk digunakan atau menggunakan mesin cetak dan dia boleh menolak mana-mana permohonan untuk mendapatkan lesen sedemikian atau boleh pada bila-bila masa membatalkan atau menggantung lesen itu selama apa-apa tempoh yang difikirkan wajar'

Kuasa budi bicara Menteri adalah amat besar dalam menentukan sama ada sesuatu permit yang telah diberikan wajar atau pun tidak untuk ditarik balik melalui seksyen 7 (3) iaitu;-

'Jika menteri berpuas hati bahawa penerbit mana-mana hasil penerbitan telah bertindak bersalahan dengan Akta ini atau mana-mana kaedah atau perintah yang dibuat di bawahnya atau mana-mana syarat lesen atau permit atau mana-mana undang-undang berhubung dengan hasutan dan fitnah, maka setelah diberikan

peluang kepada penerbit itu menunjukkan sebab mengapa deposit yang dibuat di bawah perenggan (2) (d) tidak patut dilucuthakkan, dia boleh memerintahkan supaya deposit itu atau sebahagian daripadanya dilucut hak.'

Menteri juga mempunyai kuasa penuh dalam menentukan bahawa sesuatu bahan cetakan boleh dibawa masuk ke dalam negara atau sebaliknya. Seksyen 9 (1) Akta berkenaan telah menjelaskan kuasa Menteri berkaitan di dalam menentukan bahan cetakan tersebut boleh mengganggu gugat keharmonian dan keselamatan negara.

Akta Hasutan 1948

Akta Hasutan 1948 adalah merupakan satu akta yang bertujuan mengawal aktiviti-aktiviti yang boleh mengancam ketenteraman, keselamatan dan kepentingan negara dari pelbagai sudut. Seksyen 2 Akta ini menyatakan;

'menghasut apabila dipakai bagi atau digunakan berkenaan dengan apa-apa perbuatan, ucapan, perkataan, penerbitan atau benda lain itu sebagai mempunyai kecenderungan menghasut'

Akta ini dikritik hebat oleh aktivis hak asasi manusia kerana dianggap melanggar kebebasan individu untuk bersuara dan menyatakan pendapat (Hashim, Syed Azman, dan Syed Azman 2014). Ini kerana, Akta ini memberikan kuasa yang amat besar kepada Menteri untuk menentukan sama ada sesuatu kenyataan mahupun pernyataan itu boleh dianggap sebagai hasutan atau sebaliknya. Namun begitu, adalah amat penting untuk memahami tujuan asal Akta ini iaitu untuk memastikan keselamatan negara dan mengelakkan berlakunya perpecahan dalam kalangan masyarakat berbilang kaum.

Hujah-hujah yang dianggap boleh mencetuskan ketidakharmonian, menjejaskan keselamatan dan kestabilan negara tidak boleh diungkapkan walaupun bertujuan untuk kelangsungan wacana akademik. Ini kerana, Menteri mempunyai kuasa mutlak dalam menentukan bahawa setiap pernyataan itu boleh dikategorikan sebagai hasutan atau pun sebaliknya. Oleh yang demikian, adalah amat sukar untuk mencabar keputusan dan kuasa Menteri yang mana sekiranya sesuatu kenyataan yang dibuat mempunyai nilai-nilai hasutan dan boleh mengganggu gugat keselamatan negara (Niza dan Shariff 2015).

Akta Rahsia Rasmi 1972

Akta Rahsia Rasmi 1972 digubal dengan tujuan menyemak dan menyatukan undang-undang yang berhubungan dengan perlindungan rahsia rasmi. Seksyen 2 menyatakan rahsia rasmi sebagai:

'apa-apa suratan yang dinyatakan dalam Jadual dan apa-apa maklumat dan bahan yang berhubungan dengannya dan termasuklah apa-apa suratan rasmi, maklumat dan bahan lain sebagaimana yang boleh dikelaskan sebagai 'rahsia besar', 'rahsia', 'sulit' dan 'terhad', mengikut mana-mana yang berkenaan, oleh seorang Menteri, Menteri Besar dan Ketua Menteri sesuatu Negeri yang mana pegawai awam dilantik...'

Akta ini memerlukan pegawai kerajaan untuk tidak menyebarkan maklumat yang diklasifikasikan sebagai rahsia. Ini menyebabkan beberapa maklumat tidak boleh digunakan untuk tujuan penulisan dan penyelidikan akademik. Keadaan ini secara tidak langsung menghalang kemajuan sesuatu penyelidikan mahupun penulisan. Kajian yang bersifat sensitif dan kritikal juga amat sukar untuk dilaksanakan disebabkan kekangan-kekangan ini kerana ianya boleh tertakluk kepada tindakan undang-undang kepada mereka yang menyebarkan dan juga kepada mereka yang menggunakan maklumat terbabit. Akta ini bertujuan untuk memastikan maklumat-maklumat sulit dan bersifat sensitif tidak disebarkan kepada pengetahuan awam ataupun kepada anasir-anasir luar yang mana boleh mendatangkan mudarat kepada keselamatan negara.

Akta Keterangan 1950

Akta Keterangan 1950 adalah satu akta yang berkait rapat dalam prosiding dan pembuktian di Mahkamah. Takat pemakaian Akta ini amat jelas di bawah Seksyen 2 iaitu;-

'Akta ini hendaklah terpakai pada segala prosiding kehakiman di dalam atau di hadapan mana-mana mahkamah, tetapi tidaklah terpakai bagi affidavit yang dikemukakan kepada mana-mana mahkamah atau pegawai dan tidaklah juga terpakai bagi prosiding di hadapan seseorang penimbang tara'

Akta ini menjadi relevan kerana beberapa bahagian ucapan, tulisan yang bersifat rahsia atau tidak, pendapat-pendapat tertentu yang bersifat dengar cakap (*hearsay*) tidak boleh digunakan sebagai bahan bukti di mahkamah.

Perlu juga dihujahkan bahawa, Akta ini merupakan garis panduan yang paling tinggi dalam menentukan sesuatu fakta melalui proses pembuktian yang ketat. Namun begitu, sebarang maklumat mahupun pendapat yang dikategorikan sebagai rahsia, pendapat yang tidak relevan dan apa-apa jua yang mahkamah dapati tidak bersesuaian kerana bercanggah dengan undang-undang yang lain, ianya tidak boleh diterima sebagai satu bahan bukti yang sah di mahkamah.

Akta Universiti dan Kolej Universiti 1972

Intipati utama Akta ini adalah berkaitan dengan pengurusan dan tadbir urus Universiti di Malaysia (kecuali Universiti Teknologi MARA di bawah Akta Univerisiti Teknologi MARA). Sekatan dalam menyuarakan pendapat dalam kalangan Mahasiswa adalah di bawah Peruntukan 15 (2) (c) Akta ini yang melarang para mahasiswa terlibat dalam politik. Namun begitu, peruntukan seksyen ini telah dimansuhkan oleh kerajaan Pakatan Harapan bagi memberi ruang kepada pelajar untuk terlibat sama dalam proses demokrasi dan juga menyatakan pendapat mereka walaupun mungkin bertentangan dengan pandangan kerajaan yang memerintah.

Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000

Akta 605 ini adalah merupakan satu akta untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara berkaitan tatatertib, dan penganan surcaj ke atas pegawai-pegawai badan berkanun yang diperbadankan oleh undang-undang persekutuan, dan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya. Akta ini digunapakai kepada anggota badan berkanun termasuk ahli akademik yang berkhidmat di Universiti Awam. Terdapat beberapa peruntukan yang amat jelas berkaitan sekatan-sekatan terhadap penulisan mahupun penerbitan. Walau bagaimanapun, tiada garis panduan yang jelas berkaitan dengan perkara ini kerana ianya adalah bersifat umum dan tidak menjurus kepada mana-mana jawatan. Sebagai contoh, Seksyen 17 menyatakan bahawa seseorang pegawai tidak boleh menerbitkan atau menulis apa-apa buku, makalah atau karya lain yang berasaskan maklumat rasmi terperingkat. Ini bermakna data-data yang dikumpulkan oleh para penyelidik Universiti Awam tidak boleh bersandarkan maklumat-maklumat yang diklasifikasikan sebagai rahsia. Selain itu, Seksyen 18 memperuntukkan bahawa seseorang pegawai tidak boleh membuat pernyataan awam dan Seksyen 19 melarang pegawai menulis di dalam akhbar tanpa kebenaran ketua jabatan. Penulis beranggapan bahawa peruntukan ini tidak bersesuaian dengan tugas hakiki seseorang ahli akademik yang memerlukan mereka terlibat dalam penulisan dan penerbitan. Di samping itu, terdapat bidang-bidang tertentu terutamanya undang-undang, sains politik dan sebagainya yang ada kalanya mengkehendaki ahli akademiknya bersikap kritikal terhadap polisi dan peraturan kerajaan bagi tujuan penambahbaikan dan juga kelangsungan budaya akademik.

Isu-isu Kebebasan Akademik

Kebebasan Akademik merupakan salah satu komponen yang penting di dalam sesebuah negara. Filipina menerusi Artikel XVI Seksyen 5 (2) Perlembagaan Filipina 1987 mewajibkan kebebasan akademik berlaku di setiap institusi pendidikan tinggi. Di Malaysia, tidak ada satu peruntukan khusus (*explicit clause*) di dalam Perlembagaan Persekutuan memastikan kebebasan akademik namun boleh dibaca bersama Artikel 10 Perlembagaan Persekutuan bagi kebebasan bersuara, ekspresi dan berserikat. Terdapat pelbagai isu berkaitan kebebasan akademik di Malaysia yang boleh dibincangkan antaranya:

Kebebasan Bersuara dan Ekspresi

Kebebasan bersuara dan memberi pandangan merupakan satu hak yang termaktub menerusi Perkara 10 (1) (a) Perlembagaan Persekutuan. Walau bagaimanapun, peruntukan ini tertakluk kepada syarat-syarat

yang ditetapkan oleh Parlimen dalam beberapa keadaan. Parlimen berhak membuat undang-undang bagi menghadkan kebebasan bersuara dan ekspresi. Menurut Shad Faruqi (2019) terdapat hampir sepuluh (10) syarat boleh ditetapkan oleh Parlimen dalam menghadkan kebebasan bersuara iaitu isu-isu berkaitan keselamatan, hubungan diplomatik dengan negara luar, keselamatan awam, kesalahan moral, keistimewaan Parlimen dan Dewan Undangan Negeri, kesalahan menghina mahkamah, fitnah, kesalahan-kesalahan jenayah-jenayah lain di dalam Kanun Keseksaan, perkara sensitif dan kuasa-kuasa berkaitan darurat. Di dalam kes *Azmi Sharom v PP* [2015] 6 MLJ 751, seorang pensyarah undang-undang di Universiti Malaya yang dituduh di bawah Seksyen 4 (1) (b) dan Seksyen 4 (1) (c) Akta Hasutan 1948 berkaitan komentar krisis perlembagaan di Perak, telah mencabar keberlembagaan Akta Hasutan 1948 yang bertentangan dengan peruntukan Perkara 10 Perlembagaan Persekutuan (PP). Plaintif turut menyatakan bahawa Perkara 10 (2) PP menjadi tanggungjawab mutlak Parlimen menggubal undang-undang menghadkan kebebasan bersuara. Walau bagaimanapun, Mahkamah Persekutuan menolak hujah tersebut dan menyatakan bahawa Akta Hasutan 1948 didapati tidak bertentangan dengan peruntukan Perkara 10 (2) PP kerana undang-undang yang digubal tetap sedia terpakai selepas Hari Merdeka dan seharusnya dibaca bersama Perkara 162 PP berkaitan undang-undang yang digubal selepas Hari Merdeka. Oleh sebab itu, Akta Hasutan 1948 telah didapati sah dan hanya Parlimen sahaja yang boleh membuat, mengubah dan membatalkan undang-undang berkaitan bagi menghadkan kebebasan bersuara. Kes penggunaan Akta Hasutan 1948 terhadap Dr Azmi Sharom akhirnya telah digugurkan pada tahun 2016 oleh Peguam Negara menggunakan kuasa budi bicara Peguam Negara di bawah Perkara 145 (3) PP (Farah Marshita Abdul Patah 2016).

Selain isu berkaitan hasutan, kebebasan akademik juga meliputi kes-kes membabitkan undang-undang fitnah. Di dalam kes *Abu Hassan bin Hasbullah v Zukeri bin Ibrahim* [2018] 6 MLJ 396, Mahkamah Rayuan telah menolak keputusan Mahkamah Tinggi berkaitan pembelaan perlindungan bersyarat terhadap saman fitnah yang dikemukakan oleh pihak plaintif terhadap defendan. Di dalam kes ini, plaintif telah menyaman defendan di Mahkamah Tinggi berkaitan penyebaran e-mel fitnah yang menjejaskan reputasi plaintif yang merupakan Dekan di salah sebuah fakulti di Universiti Malaysia Kelantan (UMK). Defendan yang merupakan seorang pensyarah percubaan di UMK telah didapati oleh Mahkamah Rayuan memfitnah plaintif dan pembelaan perlindungan bersyarat yang digunakan gagal dan Mahkamah Tinggi telah terkhilaf dalam membuat keputusan tanpa melihat kepada ketiga-tiga elemen penting dalam *tort* fitnah iaitu maksud e-mel, rujukan e-mel pada plaintif dan bukti orang ketiga menerima e-mel tersebut.

Berdasarkan kepada kedua-dua kes di atas, jelas menunjukkan bahawa kebebasan akademik terutamanya kebebasan bersuara dan ekspresi adalah tidak bersifat mutlak dan tertakluk kepada undang-undang yang ditetapkan dan juga berkaitan rapat dengan *tort* fitnah.

Selain itu, kebebasan bersuara dan ekspresi juga melibatkan aspek penulisan di dalam jurnal. Perbincangan dan perdebatan idea juga seharusnya berlangsung dalam ruang akademik yang jelas dan mampu menarik minat ahli akademik yang lain memberi pandangan yang berbeza. Umpamanya penulisan berkaitan kes perundangan yang penting melibatkan kebebasan beragama di dalam Perkara 11 Perlembagaan Persekutuan iaitu *Lina Joy v Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan* [2007] 4 MLJ 585. Di dalam kes ini, satu artikel perundangan yang ditulis oleh Prof Dr Thio Li-Ann dari Fakulti Undang-Undang Universiti Kebangsaan Singapura (NUS) berjudul "*Apostasy and Religious Freedom: Constitutional Issues Arising from the Lina Joy Litigation*" terbitan *Malayan Law Journal* pada April 2006 telah dikritik secara konstruktif menerusi penulisan oleh Prof Madya Dr Shamrahayu A. Aziz dari Kulliyah Undang-Undang Ahmad Ibrahim Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) menerusi artikel "*Apostasy and Religious Freedom: A Response to Thio Li-Ann*" terbitan *Malayan Law Journal* pada tahun 2007 (Aziz 2007; Li-Ann 2006). Perdebatan pandangan menerusi ruangan ilmiah ini seharusnya menjadi medan utama bagi setiap ahli akademik mempertahankan hujah mereka dengan lebih matang dan bertanggungjawab sekali gus mempertahankan kebebasan akademik sedia ada.

Etika Penulisan dan Boncengan Gratis

Menjadi tanggungjawab setiap ahli akademik dan pelajar di bawah seliaan bagi melaksanakan penulisan ilmiah bagi memenuhi kelompangan ilmu dan memberi pengetahuan yang baharu dalam bidang masing-masing. Terdapat pelbagai isu yang berkait rapat dengan etika dan kebebasan akademik.

Isu pertama ialah melibatkan isu turutan penulis utama artikel atau “*authorship*” di mana terdapat pandangan siapakah yang harus diletakkan sebagai penulis pertama atau penulis bersama. Terdapat isu antaranya ialah “boncengan gratis” di mana terdapat pensyarah atau penyelia meletakkan nama secara beramai-ramai di dalam satu artikel tanpa menyumbang kepada penulisan tersebut (Hanneeyzah Bariah Baharin 2019). Hal ini tentunya menjejaskan reputasi dan nama baik pihak pensyarah, pelajar dan universiti yang terlibat. Pihak universiti seharusnya lebih jelas dalam menggubal kod etika bagi penulisan ilmiah dan bukan hanya sekadar memenuhi syarat-syarat tertentu dan terbit di jurnal-jurnal tertentu.

Kesimpulan

Di sebalik kebebasan bersuara yang tertakluk di bawah Perkara 10 Perlembagaan Persekutuan, kebebasan akademik masih lagi bersifat tidak mutlak dan tertakluk kepada pelbagai perundangan dan kes-kes yang dijelaskan di atas. Walau bagaimanapun, setiap ahli akademik perlu bertanggungjawab terhadap kebebasan akademik sedia ada tanpa perlu mengorbankan tuntutan dan nilai-nilai ilmiah.

Rujukan

- Aziz, Shamrahayu A. 2007. “Apostasy and Religious Freedom: A Response to Thio Liann.” *Malayan Law Journal* 2: 2.
- Butler, Judith. 2011. “Critique, Dissent, Disciplinarity.” In *Conceptions of Critique in Modern and Contemporary Philosophy*.
- Farah Marshita Abdul Patah. 2016. “Peguam Negara Gugur Tuduhan Menghasut Terhadap Azmi Sharom | Jenayah / Mahkamah / Tragedi | Berita Harian.” *Berita Harian Online*.
- Hanneeyzah Bariah Baharin. 2019. “Pensyarah Elak Tumpang Nama Penyelidikan Pelajar | Pendidikan | Berita Harian.” *Berita Harian Online*.
- Harel, Alon. 2012. “Freedom of Speech.” In *The Routledge Companion to Philosophy of Law*.
- Hashim, Che Noraini, Syed Marwan Mujahid Syed Azman, and Sharifah Nur Asmaa’ Syed Azman. 2014. “Academic Freedom and Educational Responsibility in Malaysian Higher Institutions of Learning.” *IJUM Journal of Educational Studies*.
- Lester, Lord. 1993. “Freedom of Expression.” *Commonwealth Law Bulletin*.
- Li-Ann, Thio. 2006. “Apostasy and Religious Freedom: Constitutional Issues Arising from the Lina Joy Litigation.” *Malayan Law Journal* 2: 1.
- Macintyre, S. F. 2010. “Academic Freedom.” In *International Encyclopedia of Education*.
- Niza, Roos, and Mohd Shariff. 2015. “Sedition Act As a Pillar of Strength in Maintaining Unification for Multiracial Nation.” *International Journal of Business, Economics and Law*.
- Shad Saleem Faruqi. (2019). *Our Constitution*. Sweet & Maxwell (Thomson Reuters Asia Sdn Bhd). Subang Jaya.

Kes Undang-Undang

- Abu Hassan bin Hasbullah v Zukeri bin Ibrahim [2018] 6 MLJ 396
- Azmi Sharom v PP [2015] 6 MLJ 751
- Lina Joy v Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan [2007] 4 MLJ 585
- Mamat Bin Daub v. Kerajaan Malaysia [1988] 1 MLJ 119

Akta Perlimen/Perlembagaan

- Perlembagaan Persekutuan
- Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984
- Akta Rahsia Rasmi 1972
- Akta Hasutan 1948
- Akta Keterangan 1950
- Akta Universiti dan Kolej Universiti 1972
- Akta Badan Berkanun (Surcaj dan Tatatertib) 2000